

Enam sekolah rendah masih ditutup melibatkan empat buah daerah

405 murid terjejas banjir di Sarawak

Oleh TAUFIK SALIMIN

KUCHING – Seramai 405 murid daripada enam buah sekolah di negeri ini tidak dapat meneruskan sesi persekolahan semalam susulan keadaan banjir yang masih belum pulih akibat hujan lebat sejak dua hari lalu.

Sekretariat Jabatan Pengurusan Bencana Negeri, Mejar (PA) Ismail Mahedin berkata, sehingga pukul 12 tengah hari semalam, enam buah sekolah terjejas dan terpaksa ditutup sementara melibatkan tiga buah sekolah di Miri dan masing-masing satu sekolah di Sibul, Mukah dan Bintulu.

Katanya, tiga sekolah di Miri yang ditutup ialah Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Bong, SK Kuala Bok dan SK Rumah Ranggong manakala di Sibul melibatkan SK Nanga Bon, Mukah (SK Kuala Kenyana) dan SK Genaan



PENDUDUK terpaksa menggunakan sampan untuk melalui kawasan banjir di sekitar kawasan Tinjar di Miri semalam.

di Bintulu.

“Paras air sungai di kawasan terjejas ini menunjukkan peningkatan sekitar satu meter menyebabkan laluan atau jalan raya ke sekolah tidak dapat dila-

lui kenderaan ringan.

“Murid-murid yang tinggal di asrama juga diarahkan pulang ke kampung masing-masing manakala guru-guru dan kakitangan sekolah diminta bersedia



KEADAAN SK Sungai Bong, Miri yang dinaiki air sehingga terpaksa ditutup untuk sesi persekolahan.

untuk dipindahkan pada bila-bila masa,” katanya di sini semalam.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu, 10 buah sekolah lain di Miri, Selangau dan Kanowit turut terjejas banjir, namun masih

beroperasi seperti biasa.

Katanya, keadaan cuaca di kawasan itu juga tidak menentu dan paras air sungai di beberapa kawasan mula menunjukkan peningkatan.